

21 April 2017

5 ditahan proses, edar biskut ganja

Ms.32 Jumaat, 21 April 2017 BH

→JENAYAH

[FOTO BERNAMA]

Hamzah (tengah) bersama pegawai menunjukkan kepingan biskut dicampur ganja yang dirampas dalam serbuan di Bukit Antarabangsa di Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya, semalam.

5 ditahan proses, edar biskut ganja

• Semua suspek positif dadah, direman tujuh hari

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Nur Afiradina Arshad
bhnews@bhabit.com.my

■ Ampang

Lima rakan termasuk seorang wartawan sebuah agensi berita tempatan yang mendalangi kegiatan memproses dan mengedarkan biskut dicampur ganja ditahan polis dalam serbuan di Bukit Antarabangsa di sini.

Kegiatan haram itu dibongkar Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya selepas semua suspek berusia 24 hingga 27 tahun ditahan di sebuah unit pangaspuri pada jam 8.55 malam Selasa lalu.

Ketua Polis Daerah Am-

pang Jaya, Asisten Komisioner Hamzah Alias, berkata dalam serbuan di kediaman terbabit, polis merampas empat ketulang mampat ganja, tiga biskut dicampur dadah berkenaan dan satu bekas mengandungi serbuk tumbuhan disyaki ganja.

Geledah banglo
“Susuhan serbuan itu, seorang daripada suspek membawa polis ke sebuah banglo kira-kira 500 meter dari pangaspuri terbabit. “Di situ, polis merampas 34 biskut dicampur ganja dalam bekas seberat 215 gram,” katanya pada sidang media di IPD Ampang Jaya di sini, semalam.

Hamzah berkata, siasatan awal mendapati suspek baru berjimak-jinak menghasilkan biskut diadun ganja untuk pasaran tempatan, manakala ketulan mampat ganja pula untuk diagiarkan di sekitar kawasan itu.

Katanya, semua lelaki terbabit positif dadah hasil ujian saringan air kencing dan seorang daripada mereka ada rekod jenayah mengikut Seksyen 381 Kanun Kesejahteraan kerana mencuri.

“Polis menjalankan sia-

satan menyeluruh termasuk mengesan sumber bekalan dadah diperoleh suspek. Orang ramai yang ada sebarang maklumat diminta menghubungi balai polis berhampiran untuk membantu siasatan,” katanya.

Beliau berkata, suspek direman hingga 25 April ini bagi membantu siasatan.

Rampasan dadah RM2.5 juta
Dalam perkembangan berasingan, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Mokhtar Mohd Shariff berkata, polis menumpaskan sindiket pengedaran dan pemprosesan dadah hasil tangkapan sembilan suspek termasuk dua warga asing Selasa lalu.

Dalam serbuan di empat lokasi sekitar Lembah Klang itu, sejumlah 19,661 biji pil ekstasi; 21,396 pil erimin 5; 2,283 biji kapsul ekstasi; 155 gram syabu; 60 gram ganja; 44 gram ketamin dan 30.5 kilogram ephedrine dirampas. Keseluruhan rampasan dianggar RM2.5 juta.

Turut dirampas, lapan kenderaan pelbagai jenama, termasuk kereta mewah dan wang tunai RM125,830.